



TUNKU
KELANA
PENUH CINTA

Kobkua Suwannathat-Pian



TUNKU Kelana Penuh Cinta

Kobkua Suwannathat-Pian

Penterjemah
Mardhiyyah Abadan

PUSTAKA PERDANA



1013920



PPAS
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

Tunku: Kelana Penuh Cinta

Kobkua Suwannathat-Pian

Buku ini adalah terjemahan sah daripada buku Tunku: *An Odyssey of a Life Well-Lived and Well-Loved* karya Kobkua Suwannathat-Pian terbitan edisi 2017 oleh Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

diterjemah oleh

Mardhiyyah Abadan

diterbitkan oleh

IBDE Ilham Sdn Bhd
7-2 Jalan Damar SD 15/1
Bandar Sri Damansara
52200 Kuala Lumpur



penerbitan@bukuibde.com
www.bukuibde.com

dengan sokongan

Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

Cetakan Pertama Jun 2022

Perpustakaan Negara Malaysia

Kobkua Suwannathat-Pian, 1944-

TUNKU : Kelana Penuh Cinta / Kobkua Suwannathat-Pian ;

Penterjemah Mardhiyyah Abadan ; Penyunting Al-Mustaqeem Mahmud Radhi.

ISBN 978-967-26723-0-2 (hardback)

1. Tunku Abdul Rahman Putra, al-Haj, 1903-1990.

2. Prime ministers--Malaysia--Biography.

3. Politicians--Malaysia--Biography.

4. Malaysia--Politics and government.

I. Mardhiyyah Abadan. II. Al-Mustaqeem Mahmud Radhi.

III. Judul. IV. Judul: Terjemahan daripada: Tunku : An Odyssey of a Life Well-Lived and Well-Loved.

959.5051092

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

© *Hakcipta terpelihara. Kecuali petikan pendek bagi tujuan ulasan, tiada pihak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian tulisan dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Inisiatif Buku Darul Ehsan (IBDE Ilham Sdn. Bhd.).*

rekaan kulit

Wahyudi Yunus

rekaletak halaman

Fakhri Affandi

dicetak di

Vivar Printing Sdn Bhd

25 & 27 FS,

Jln Kawasan Perindustrian Rawang

Taman Industri Integrasi Rawang

48000 Rawang, Selangor

959.5051092
KOP

<i>Mukadimah dan Penghargaan</i>	<i>vii</i>
BAHAGIAN I: MEMAHAMI TUNKU DARI DEKAT	1
1. Persekitaran	3
Catatan Biografi	3
Kedah: Tanah Tumpah Darah	9
Keluarga	12
Kerabat Diraja	19
Sahabat dan Kenalan Baik	34
2. Keperibadian	51
Watak Umum	51
Perkara yang Disukai dan yang Dibenci	61
Falsafah Hidup	76
Pegangan Peribadi	79
Beberapa Sifat Berlawanan	84
BAHAGIAN II: MENERAH TENAGA	91
Kakitangan Awam, Ahli Politik dan Pemimpin Nombor Satu	
3. Berkhidmat untuk Negeri	93
Tunku sebagai Kakitangan Awam	93
Zaman Sebelum Perang, 1931–1941	96
Zaman Perang, 1941–1945	105
Pengalaman dalam Bidang Kehakiman	114
4. Memilih Menjadi Ahli Politik, 1951–1955	121
Tunku dan Keputusan Menceburi Politik	121
Belantara Politik, 1951–1955	125
UMNO di Ambang Kepimpinan Tunku	125
Tunku dan Zaman Kelam UMNO, 1951–1952	131
Latar Sosiopolitik Semenjak Tahun 1948	138
Ujian Kekuatan: Pilihanraya Perbandaran 1952	143
Kelahiran Perikatan dan Hala Tuju Kemerdekaan	150
Pilihanraya Umum 1955	157
5. Ketua Menteri dan Kemerdekaan Tanah Melayu, 1955–1957	165
Ketua Menteri dan Kabinetnya	165
Pegangan Sosiopolitik Tunku	169

Watak Utama dalam Senario Politik	
Tanah Melayu Pascaperang	176
Beberapa Jelmaan Tunku	184
Perjuangan Kemerdekaan—Detik Terbaik Tunku	190
Langkah Terakhir Menuju Kemerdekaan	200
6. Perdana Menteri dan Pembinaan Negara	217
Gambaran Keseluruhan	217
Jatidiri Sosiobudaya	220
Bahasa	222
Pendidikan	227
Adat Istiadat, Etika dan Budaya	233
Mercu Tanda	235
Keharmonian Kaum	236
Kekuatan Politik dan Keselamatan	239
Kestabilan Politik	239
Keselamatan	244
Prinsip Dasar Luar Negara	248
Penyatuan dan Kesatuan Wilayah:	
Kelahiran dan Penggabungan Malaysia	257
Benihnya	257
Pembentukan Malaysia	261
Penggabungan Malaysia	266
7. Kehampaan dan Pengakhiran Sebuah Zaman	275
Bermulanya Kejatuhan	275
Tunku dan Rusuhan Kaum 13 Mei	291
Meninggalkan Pentas Utama	301
BAHAGIAN III: WARGA BIASA YANG LUAR BIASA	311
8. Pekerja Biasa	313
Ringkasan Susunan Peristiwa	313
Tunku dan Sekretariat Islam	318
Kepayahan sebagai Warga Biasa, 1971–1976	327
9. Warga Biasa yang Luar Biasa	337
<i>The Star</i> dan Tunku	338
PERKIM: Kebangkitan Semula dan Pengembangan	342
Rujukan Sosiopolitik	349
<i>Epilog</i>	373
<i>Daftar Pustaka</i>	382
<i>Daftar Kata</i>	393

Mukadimah dan Penghargaan

Perancangan untuk menulis sebuah buku tentang Tunku Abdul Rahman, Bapa Kemerdekaan dan Perdana Menteri pertama Malaysia, sudah lama menghuni senarai “perkara yang ingin saya buat,” iaitu sejak penghujung 1980-an. Ketika itu, keadaan memaksa saya untuk menekuni sejarah Malaysia melebihi keperluan seorang graduan dalam disiplin pengajian Sejarah Asia Tenggara. Daya tarikan akademik yang paling kuat untuk projek biografi ini ialah hakikat bahawa Tunku bukan sekadar tokoh bersejarah yang masih hidup pada masa itu, bahkan beliau juga penulis ruang akhbar dan penyalur suara rakyat yang paling berpengaruh dan tiada tolok bandingnya. Rancangan saya ketika itu adalah untuk ke rumah Tunku di Pulau Pinang suatu hari nanti dan terus diberi peluang menemuramah insan bersejarah itu. Saya ingin bertanya secara mendalam tentang kehidupannya yang peribadi mahupun yang umum. “Perjalanan sehari ke Pulau Pinang” itu rupa-rupanya menjadi perjalanan yang terlalu payah untuk dibuat, manakala angan-angan saya untuk mendapatkan temuramah akrab dengan Tunku menjadi angan-angan yang terlalu jauh daripada realiti. Maka tidak hairanlah ketika Tunku wafat pada Disember 1990, saya tidak bergerak sejengkal pun untuk memastikan “perjalanan impian” itu benar-benar terjadi. Sangat menyedihkan, saya telah melepaskan peluang keemasan untuk bertemu dan berbual dengan seorang tokoh yang telah lama saya pandang sebagai pemimpin paling hebat dan bijaksana yang pernah dimiliki Malaysia. Saya membiarkan peluang ini terlepas dari tangan saya yang ketika itu sibuk dengan rutin kewajipan harian.

Sejujurnya, perkara paling menghantui perancangan saya untuk menulis biografi tentang Tunku Abdul Rahman Putra ialah rasa serba salah untuk menambah sebuah lagi biografi ke dalam segunung koleksi buku biografi sedia ada tentang Tunku, termasuk biografi yang

diperakui mahupun tidak diperakui, karya bersifat separa biografi serta karya akademik yang lain. Silap langkah, ia dapat menjadi sebetuk penganiayaan kepada sejarah, bidang yang sangat saya minati. Kebimbangan yang menghantui saya itu tetap tidak terhapus dengan mengenang kata-kata pendorong yang menidakkan “penganiayaan” dan berlawanan dengan norma sejarah biasa. Kata-kata seperti “Sejarah dunia tidak lain hanyalah biografi para tokoh agung” (Thomas Carlyle) dan “Sebetulnya tiada catatan sejarah, yang ada hanyalah catatan biografi” (Ralph Waldo Emerson) juga tidak memadai. Tuntutan kerja dan tanggungjawab kehidupan yang banyak memakan masa dan mengambil ruang minda saya menambah lagi keraguan dan kebimbangan. Meskipun angan-angan ini tidaklah ditinggalkan seratus peratus, kerja-kerja membuat biografi Tunku sememangnya telah tertanggung selama hampir sedekad terakhir abad ke-20 ini.

Lord Acton mengaitkan kuasa dengan keruntuhan adab melalui kata-kata beliau, “kuasa yang mutlak sudah pasti akan melahirkan kebobrokan” dan “tokoh agung kebanyakannya ialah orang yang jahat.” Jika diselak lembaran sejarah, kita pasti bersetuju dengan pernyataan Lord Acton ini. Sangat sukar untuk ditemukan sejarah “tokoh agung” yang tidak tergolong sebagai “orang jahat.” Walau demikian, saya tetap berpandangan bahawa Tunku Abdul Rahman ialah manusia yang berbeza berbanding kebanyakan tokoh agung yang dikatakan oleh Lord Acton. Tunku tidak tergolong dalam “kebanyakannya,” bahkan beliau termasuk dalam sebilangan kecil manusia yang terkecuali daripada kebiasaan tokoh terdahulu yang agung tetapi jahat itu.

Sepanjang kehidupannya yang berwarna-warni itu—beliau hidup sehingga lanjut usianya, iaitu 87 tahun—Tunku Abdul Rahman Putra terbukti setia kepada sifat semulajadinya yang murah hati, jujur, tidak gentar dan sangat prihatin tanpa mengira keadaan sosiopolitik dan ekonominya ketika itu. Mereka yang mengenali dirinya, sama ada kawan mahupun lawan, turut mengakui sifat-sifat Tunku ini. Menurut Tunku, tiada bezanya sama ada beliau memegang jawatan paling tinggi ataupun menjadi rakyat biasa. Sekiranya pertolongannya diminta, sekiranya kritikan membina dan maklum balas terhadap beberapa dasar awam diperlukan, sekiranya ketidakadilan terjadi kepada yang lemah dan tidak berdaya, sekiranya kerajaan atau masyarakat memerlukan amaran atau peringatan, dan sekiranya kebenaran perlu diperjelaskan kepada penguasa, Tunku akan masuk campur dan terus membuat perkara yang orang lain pasti

segaran silu, tanpa mengambil kira betapa buruk kesannya kepada diri, kemasyhuran atau nama baiknya. Tuntas, Tunku ialah ahli politik dan ketua yang luar biasa. Beliau begitu menyayangi rakyat dan negaranya—dan partinya, UMNO, pastinya, serta tiada satu perkara pun yang tidak akan dilakukan oleh Tunku untuk salah satu belahan jiwanya ini.

Perkara yang paling membezakan beliau dengan rakan-rakannya yang pernah memegang jawatan Perdana Menteri ialah Tunku satu-satunya Perdana Menteri yang menjadi lebih miskin selepas meninggalkan jawatan tertinggi itu berbanding sebelum beliau melangkah masuk dan mengemudi negara. Lebih “buruk” lagi, sebaik sahaja bersara, Tunku mendapati dirinya mempunyai tunggakan cukai berjumlah RM80,000—jumlah yang sangat besar pada zaman dahulu. Sebagai ganti, wang persaraan bulanannya sebanyak RM4,000 digantung dan digunakan untuk melunaskan hutang akibat kealpaannya itu. Dengan kiraan mudah, Tunku tidak mempunyai satu sen pun. Beliau sangat bertuah kerana pada saat itulah beliau ditawarkan jawatan Setiausaha Agung untuk sebuah Sekretariat Islam yang baru ditubuhkan. Ibarat berkayuh sambil bertimba, jawatan ini bukan sahaja menyelesaikan masalah kewangan peribadi tetapi juga memberi Tunku jalan keluar dari negara secara terhormat dan munasabah. Tunku berhijrah demi membolehkan penggantinya yang ketika itu tiada sokongan kukuh meraih gelanggang sosiopolitik negara agar berhasil menerapkan kepimpinan dan gaya pentadbirannya (pengganti Tunku) tanpa takut dibayangi oleh pemimpin sebelumnya yang lebih unggul dan terkenal. Sepanjang berdepan cabaran peribadi dan politik ini, Tunku tetap setia kepada sifatnya yang murah hati dan jujur sebagaimana dirinya yang dahulu. Tunku bahkan meletakkan dirinya sebagai ahli politik dan ketua yang benar serta berbeza. Beliau benar-benar bekerja demi kemaslahatan negara dan rakyatnya, bukannya meraih kekayaan peribadi, penghormatan mahupun pengiktirafan istimewa sebagai balasan—berlawanan dengan ahli politik zaman kini yang sekadar menanam tebu di tepi bibir. Maka tidak hairanlah jika Tunku telah, sedang dan akan terus menjadi pemimpin yang paling disayangi dan dihormati di Malaysia.

Saya memulakan Projek Tunku ini agak lewat iaitu sekitar penghujung 1990-an. Permulaan itu pun secara perlahan-lahan kerana saya tidak begitu yakin mampu menyiapkan projek ini pada masa depan. Sedikit demi sedikit dan kebanyakannya tanpa disedari, saya menambah apa-apa perkara berkaitan Tunku yang saya jumpa ke dalam fail Tunku. Memandangkan

fail tersebut bertambah tebal dan mula melambai-lambai, saya membuat keputusan untuk memberi tumpuan kepada Projek Tunku walau apa jua cabaran mendatang. Peluang untuk ke Pulau Pinang pada 2011 dan bertemu Datin Rose Ismail Jewa, anak saudaranya yang paling mesra dan perwatakannya persis Tunku telah memberi saya daya pendorong terakhir yang diperlukan untuk memberi tumpuan sepenuhnya kepada Projek Tunku. Saya sebenarnya telah mula menulis secara rambang lama sebelum itu, iaitu sejak beberapa tahun terakhir alaf kedua.

Sebagaimana yang telah saya catat entah di mana dalam buku ini, jika dilihat dari sudut akademik, kajian tentang Tunku Abdul Rahman Putra memberikan cabaran yang sangat hebat. Hampir mustahil untuk mengetengahkan sesuatu yang baru dan bermakna untuk ditambah atas segunung kumpulan tulisan tentang Perdana Menteri pertama Malaysia ini. Sejarah Tunku sebagai seorang manusia mahupun Tunku sebagai tokoh masyarakat telah dikaji dan diteliti oleh penulis biografi, ahli akademik, rakan sekerja, penulis bebas dan lain-lain penulis sama ada yang diperakui mahupun tidak diperakui oleh Tunku. Beliau sendiri selepas bersara telah menjadi orang yang banyak menulis. Pojoknya dalam akhbar *The Star* paling terkenal sepanjang tahun 1970-an dan 1980-an. Tulisannya mencakupi semua dan setiap perkara yang penting tentang diri, pemikiran, pengalaman yang tidak terkira banyaknya, politik, perubahan sosiobudaya dan banyak lagi. Adakah perkara lain yang mampu ditambah ke dalam gedung tulisan yang cukup mengagumkan itu?

Sebaik sahaja saya mula menyusun fail Projek Tunku saya ini, saya mula sedar bahawa kebanyakan hasil karya tentang Tunku berkongsi satu persamaan. Semua karya ini bertumpu pada tempoh masa atau aspek tertentu sahaja berbanding kehidupan Tunku yang panjang dan penuh peristiwa. Bahkan Tunku sendiri pernah menyatakan bahawa pojoknya dalam *The Star* dirangka untuk menjadi autobiografi kehidupan dan tidak pernah dirancang untuk menjadi catatan peristiwa dan kehidupan peribadinya dalam bentuk yang lengkap. Lebih tepat lagi, tulisan-tulisan Tunku berhasrat untuk menjadi sumber sahih buat teman se negeranya. Beliau menulis tentang bagaimana negara ini dibina dan ke arah mana sosiopolitik dan ekonomi negara ini wajar dibawa. Tulisan kerdil saya pula bercita-cita mengkaji diri Tunku dari semua aspek kehidupannya. Saya ingin menghidupkan watak Tunku dan kehidupannya menerusi penelitian dan kajian yang menyeluruh. Dengan sentuhan sedemikian, tulisan ini juga mahu meletakkan hak Tunku yang tidak dapat dipertikaikan oleh

sesiapa iaitu sebagai satu-satunya pemimpin yang paling layak untuk digelar sebagai Bapa Malaysia.

Penyelidikan tentang Tunku Abdul Rahman Putra telah membawa saya ke pelbagai arkib dan institusi. Antara yang paling mengagumkan saya ialah Pejabat Rekod Kerajaan, London; Perpustakaan SOAS, University of London; dan Perpustakaan Rhodes House, Oxford—ketiga-tiganya di United Kingdom; Perpustakaan Negara Singapura dan perpustakaan di Institut Pengajian Asia Tenggara; dan semestinya Arkib Negara Malaysia dan Memorial Tunku Abdul Rahman Putra. Kedua-dua lokasi ini menyimpan sebahagian besar bahan utama, rekod kerajaan, surat-menyurat dan keratan akhbar berkaitan kehidupan rasmi Tunku. Di mana-mana saya pergi, saya sangat bertuah kerana menerima bantuan profesional, nasihat serta cadangan berguna daripada para pegawai yang bertugas. Sokongan mereka ini pastinya membuatkan pencarian dan penentuan lokasi bahan-bahan berkaitan menjadi berkesan dan menyeronokkan. Berkat dorongan inilah, saya dapat memanfaatkan sepenuhnya masa setiap kali keluar dari rumah untuk membuat kajian. Wajarlah saya zahirkan rasa penghargaan dan terima kasih buat pegawai-pegawai ini yang telah membuatkan kehidupan seorang pengkaji, terutamanya saya, menjadi mudah dan mengembirakan. Sedar tidak sedar, saya telah meluangkan banyak masa mengumpul data di Malaysia, bahkan saya “berkampung” di Memorial Tunku Abdul Rahman semasa fasa terakhir kerja penyelidikan pada tahun 2012. Saya ingin merakamkan terima kasih dan penghargaan yang istimewa buat para pegawai di Arkib Negara Malaysia dan Memorial Tunku Abdul Rahman yang sering kali berusaha melampaui tuntutan tugas mereka untuk membantu saya. Mereka memberikan persekitaran yang mesra dan menenangkan sehingga proses mengkaji dokumen dan bahan di sana menjadi memori indah dalam ingatan saya. Suka saya sebutkan betapa saya menghargai masa berbual dan bertukar-tukar fikiran dengan saudara Prabhakaran Nair dari Arkib Negara Malaysia. Kesudian beliau ini merupakan contoh bagaimana beliau telah membuat sesuatu melebihi bidang kerja yang diamanahkan kepadanya dan perkongsian fikiran sebegini membantu saya memahami beberapa aspek kehidupan khalayak Tunku dengan lebih jelas.

Saya juga bertuah kerana dapat berhubung dengan ahli keluarga Tunku. Insan-insan yang sempat saya hubungi ini sangat pemurah dari sudut masa mahupun cerita tentang Tunku, sama ada dari sudut beliau sebagai seorang lelaki mahupun sebagai ketua keluarga. Selain Datin Rose

Ismail Jawa—anggota kaum kerabat Tunku yang pertama saya temui dan seperti yang saya sebutkan tadi, meyakinkan saya untuk menyempurnakan Projek Tunku dan bermurah hati pula untuk membantu—saya juga berkesempatan untuk berbincang dan belajar tentang Tunku daripada Tunku Khadijah, iaitu anak sulung Tunku, dan cucu Tunku yang merupakan anak kepada Tunku Khadijah, bernama Sharifah Intan Syed Hussein; Tunku Noor Hayati, anak perempuan kedua Tunku yang turut menyandang jawatan Ketua Wanita PERKIM; juga anak saudara kesayangan Tunku, Tunku Dato' Dr. Sofiah Mohamad Jawa dan suaminya yang baik hati, Dato' Yaacob Merican. Selain mereka, saya juga ingin menyebutkan jasa Almarhum Tunku Ismail Jawa yang semasa hayatnya berbesar hati untuk berkongsi masa, surat-surat dan fakta-fakta tentang bapa saudaranya, Tunku dengan pengkaji seperti saya. Maklumat yang diperoleh daripada beliau merupakan tulang belakang kepada bahagian Keperibadian Tunku dalam buku ini. Hal ini menjadi penanda bahawa tanpa maklumat “dalam” yang berharga daripada ahli keluarga Tunku sendiri, tidak akan sempurna kajian tentang kehidupan peribadi Tunku dan jiwanya sebagai ketua keluarga. Tunku Noor Hayati dan Tunku Sofiah juga menyalurkan bahan bercetak yang sangat berguna bagi kajian ini. Saya secara peribadi sangat tersentuh dan berterima kasih atas kemurahan hati mereka berdua.

Semasa menyiapkan Projek Tunku ini, saya berkesempatan menghadiri syarahan oleh Tengku Razaleigh Hamzah yang dianjurkan oleh MBRAS. Syarahan tentang pembentukan Malaysia ini memberi maklumat dan pandangan segar tentang Tunku dan sejarah di balik tabir pembentukan negara ini yang kelihatan mudah, tanpa pertumpahan darah. Sesi soal jawab yang menyusul pula merupakan bahagian yang paling menarik kerana mendedahkan banyak perkara, terutamanya ulasan dan perkongsian maklumat oleh Tun Haniff Omar, bekas Ketua Polis Negara (KPN). Beliau membawa khalayak untuk mendengar ilmu dan pengalaman peribadinya berkaitan peristiwa bersejarah bagi Malaysia itu. Saya menerima manfaat yang banyak daripada syarahan ini.

Mengkaji, membiasakan diri dan meneliti kehidupan Tunku mengambil lebih banyak masa daripada yang saya jangka. Bahagian kajian sahaja memakan masa tiga tahun, manakala dua tahun lagi saya luangkan untuk menulis. Menghasilkan buku ini merupakan perjalanan yang panjang, tetapi harus saya katakan bahawa perjalanan itu sangat seronok dan memuaskan. Seronok, kerana tiada hambatan masa mahupun

tanggungjawab akademik dan profesional yang pastinya biasa menekan mana-mana akademia. Memuaskan, kerana penyempurnaan projek ini bererti wujudnya kajian menyeluruh yang pertama tentang pemimpin politik sejati ini di atas rak buku masyarakat Malaysia sehingga mereka yang berminat dengan Tunku Abdul Rahman dapat menilai dan menambah baik kajian ini. Sumbang saran dan perhubungan sebegini membina harapan saya, agar masyarakat dan dunia akademia dapat menghidupkan kembali minat dan kesedaran terhadap sumbangan Tunku yang tak lapuk dek hujan tak lekang dek panas buat Malaysia.

Atas semua kekurangan dan kelemahan dalam tulisan ini pula, saya bertanggungjawab sepenuhnya dan dengan rendah diri memohon maaf.

Kobkua Suwannathat-Pian

Sungai Merab, Bangi.

Bahagian I

**MEMAHAMI TUNKU
DARI DEKAT**





PERSEKITARAN

CATATAN BIOGRAFI

Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj (1903–1990) ialah Perdana Menteri Malaysia yang pertama. Sejak dahulu hingga sekarang, Tunku kekal sebagai tokoh masyarakat paling terkenal dan paling disayangi sepanjang sejarah negara ini sehingga terasa ganjil sekiranya kita cuba untuk memperkenalkan beliau dengan cara biasa. Banyak penulisan dan kajian tentang kehidupan dan zaman kegemilangan Tunku sehingga bolehlah dikatakan, inilah pemimpin paling cerdas dan berpandangan jauh yang pernah dimiliki bahkan bangga untuk kita akui sebagai anak watan Malaysia.¹ Namun, agak sukar untuk meneliti riwayat hidup tokoh ini tanpa menyelidiki “latar belakangnya,” termasuk tempat beliau dilahirkan, cara beliau dibesarkan, jenis pendidikan yang membentuknya, bagaimana beliau menjalani kehidupannya, serta nilai murni atau tidak seberapa murni yang mempengaruhi dan mengawal hidupnya. Ringkasnya, apakah “latar belakang” yang membentuk tokoh ini sehingga menjadi sedemikian sifatnya?

Tunku Abdul Rahman Putra lahir pada 8 Februari 1903 di Istana Tiga Tingkat, Alor Setar, sebagai anak ke-20 Sultan Kedah ketika itu, iaitu Sultan Abdul Hamid Halim Shah, daripada isteri baginda yang berketurunan Siam, Che Puan Manjalara (Tunku merupakan anak keenam Che Puan Manjalara dan anak lelakinya yang bongsu). Tunku lahir sedikit berbeza daripada adik-beradiknya yang lain kerana kulitnya lebih gelap berbanding mereka. Disebabkan kulitnya yang gelap inilah, ahli keluarganya memberikannya nama timangan “Awang” atau budak

1 Selain semi-autobiografi tulisan Tunku sendiri, terdapat banyak tulisan oleh penulis lain seperti tulisan Abdul Aziz (1957), Miller (1959), Che Zulaikha dan Ahmad (1969), Sheppard (1984 dan 1995), Abdullah Ahmad (1987), Ranjit (1990), Yusof (1991), Sharif (1991 dan 1993) dan Kua (2002).

kampung, dan apabila sudah sedikit berusia beliau dipanggil “Ayah Tam” atau “*Dark Uncle*” [TAR, 1977, 353–4].² Kedah pada zaman itu kerap diserang malaria dan taun. Tunku sendiri menderita semasa zaman mudanya kerana kerap terkena malaria. Beliau hanya bebas sepenuhnya daripada malaria semasa tiba di England pada tahun 1920-an. Namun, tidak kira ketika sakit malaria atau sihat, riwayat hidup Tunku menunjukkan betapa zaman kanak-kanaknya sangat gembira, lepas bebas tanpa kerunsingan.

Tunku mula bersekolah seawal usia enam tahun di satu-satunya sekolah rendah Melayu di Alor Setar, tetapi beliau kerap ponteng kelas dan menikmati kehidupan bermain-main dengan kawan sekampungnya di padang.³ Tidak lama selepas itu, ibu Tunku memindahkannya ke sebuah sekolah Inggeris yang kecil. Guru besar di sekolah itu bernama Mohamad Iskandar, bapa kepada Perdana Menteri keempat iaitu Dr. Mahathir Mohamad. Seperti kebiasaan anak-anak Melayu pada zaman itu, Tunku juga menghadiri kelas agama pada sebelah petang untuk mempelajari cara membaca dan mengalunkan al-Quran. Boleh jadi atas sebab kecenderungan Tunku yang lebih suka bermain berbanding bersekolah, Che Manjalara mengambil keputusan untuk menghantar Tunku jauh dari Kedah. Jadi, Tunku dihantar untuk menemani kakanda yang seibu sebapa dengannya, iaitu Tunku Yusuf yang telah menyertai Perkhidmatan Awam Siam di Bangkok sebaik sahaja tamat pengajian. Tunku Yusuf menamatkan pengajian di Sandhurst, maktab tentera termasyhur di United Kingdom, dengan biasiswa Raja Siam. Beliau memilih untuk bekerja dengan Siam setelah merasakan masa depannya akan tertindas jika bekerja dengan Kedah di bawah pemerintahan penjajah British. Di ibu negara Siam, Tunku bersekolah kira-kira setahun di Sekolah Debsirin, salah sebuah sekolah menengah ulung ketika itu sebelum kejadian tidak diingini menimpanya. Tunku Yusuf dijangkiti radang paru-paru dan mangkat tidak lama selepas itu. Tunku lalu pulang ke Kedah dan dihantar ke Penang Free School pada tahun 1916 untuk meneruskan pengajiannya. Pada usia 16 tahun, Tunku disokong oleh

2 Lihat artikel-artikel dalam Prabhakaran, 2006, termasuk Tuanku Jaafar bin Al-Marhum Tuanku Abdul Rahman, “*Tunku the King Maker*”, 3–14 dan Tunku Dr. Sofiah Jewa, “*My Ayah Tam*”, 471–86.

3 TAR, “*My Childhood Days*” dalam pojok “As I See It,” dalam *The Star*, 17 Ogos 1981. Tunku mengakui bahawa “sebagai kanak-kanak, saya banyak main, nakal tak boleh nak cakap ... dan tak berapa suka sekolah ... saya jadi tukang kacau dalam kelas sampai cikgu hilang sabar. Tiada apa yang mereka boleh buat kecuali tahan dengan saya atau kena pecat.” Lihat juga TAR, 1977, 334.

pengetua sekolah itu, R. H. Pinham, untuk menerima Biasiswa Negeri Kedah yang pertama bagi melanjutkan pelajaran ke England.⁴

Tunku pada awalnya mendaftar di St. Catherine College, Cambridge, untuk jurusan undang-undang dan sejarah tetapi kemudiannya mengaji sejarah sahaja. Selepas tahun-tahun penuh warna dan kesenangan di Cambridge, pada tahun 1925, Tunku meraih Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam bidang Sejarah, lalu pulang ke tanahair untuk memasuki dunia kerja. Tunku bagaimanapun hampir sahaja dihantar semula sertamerta ke United Kingdom oleh Pemangku Sultan Tunku Ibrahim untuk mendapatkan kelayakan *Barrister-at-law* di Inner Temper Inns of Court, London. Tunku pernah mendaftarkan dirinya di pusat pengajian itu pada zaman beliau belajar di Cambridge semata-mata untuk mengalih perhatian daripada rutin di Cambridge yang “tiada kemeriahan.” Tunku sememangnya tidak meminati undang-undang dan jelas bahawa beliau lebih menggemari kegiatan lain berbanding mempelajari undang-undang. Maka tidak hairanlah jika kelayakan profesional itu terlepas daripada genggamannya Tunku.⁵ Akhirnya pada tahun 1930, Tunku diarahkan oleh kerajaan negeri untuk kembali dan mula bekerja sebagai Pembantu Pegawai Daerah di Pejabat Penasihat Undang-undang di Alor Setar.⁶ Percubaan Tunku seterusnya untuk lulus ujian guaman tidak mendatangkan hasil sehinggalah pada tahun 1948. Pada usia 45 tahun, Tunku menjadi orang paling tua yang lulus ujian guaman pada zaman itu.

Pada masa sama, pengalaman Tunku bekerja sebagai pegawai kerajaan negeri Kedah adalah salah satu tempoh yang menguji kesabarannya. Jelas, rasa bertanggungjawab, keberanian serta keyakinan putera raja ini untuk sentiasa bersuara dalam hal pentadbiran kerajaan negeri yang

4 Miller, 1959, 35–6; Arkib Negara, Malaysia, *Siri Pengkisahan Sejarah, YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj: Bersama Keluarga (Riwayat Hidup Tunku)*, 17 Mei 1995, 15–17.

5 Salah satu laporan tentang perkembangan Tunku dalam usahanya untuk diterima menjadi peguam dan *Barrister-at-law* yang ditulis oleh tutor Tunku menyebut, “Saya tegaskan sekali lagi bahawa kekurangan Tunku bukanlah pada keupayaannya tetapi pada ketekunan. Beliau mempunyai terlalu banyak minat di luar tugasnya dan sukar untuk beliau duduk diam serta memberi perhatian sepenuhnya kepada pengajian seperti seharusnya...” dalam MTAR 580/348, *Report on Tunku Abdul Rahman, Kedah Student in England between 1926–1930 by the Crown Agent*, laporan bertarikh November 1928–Januari 1929.

6 Abangnya, Tunku Mohammad Jawa, dilaporkan menyebut bahawa selepas lawatannya ke England pada 1929, beliau sedar bahawa Tunku Abdul Rahman tidak boleh dipaksa untuk mengambil kelayakan guaman. Tunku Mohammad Jawa seterusnya mencadangkan kerajaan negeri untuk memanggil Tunku Abdul Rahman pulang dan berkhidmat. Lihat MRARP/K6 Transkripsi Rakaman Lisan dengan YTM Tunku Mohammad Jawa al-Marhum Sultan Abdul Hamid, 9 Mac, 1974, Kedah; MTAR 580/348, *Report on Tunku Abdul Rahman, Kedah Student in England between 1926–1930 by the Crown Agent*. Bagi mendapatkan maklumat lanjut berkaitan Pendidikan Tunku, lihat maklumat berikut.

kurang baik telah mencetuskan pergeseran antara mereka. Tunku pada awalnya dihantar ke Kulim pada tahun 1931 untuk menjadi Penolong Pegawai Daerah (PPD). Setahun kemudian, Tunku ditugaskan sebagai Pegawai Daerah (PD) Padang Terap, berpejabat di Kuala Nerang—daerah yang pada waktu itu mempunyai kes malaria yang tinggi. Kuala Nerang juga merupakan kawasan paling kurang membangun berbanding daerah lain di Kedah. Di tempat inilah, isteri Tunku yang masih muda, Mariam, dijangkiti malaria sebaik sahaja melahirkan Tunku Ahmad Nerang, satu-satunya anak lelaki Tunku. Mariam meninggal dunia akibat kecuaiian doktor kerajaan. Selepas pemergian isterinya, Tunku dipindahkan ke Langkawi, sebuah lagi kawasan pedalaman yang sering diabaikan dalam pembangunan. Kemudian beliau dinaikkan pangkat dan dipindahkan pula ke Sungai Petani, sebelum akhirnya diberikan notis 24 jam untuk berpindah ke Kulim pada tahun 1938. Di daerah inilah Tunku mengatur “penculikan” paduka ayahandanya bagi memastikan Sultan tidak diasingkan di tanah jajahan British dan kekal di dalam negeri baginda bersama rakyatnya, mengharungi kesusahan perang bersama-sama sebagai seorang pemerintah yang sejati dan bertanggungjawab.

Pengalaman Tunku semasa zaman perang benar-benar menonjolkan kemampuannya dalam memimpin rakyat mengharungi detik-detik sukar dalam keadaan hampir tiada orang lain yang tampak mampu atau sanggup untuk menggalas beban berat menjaga kepentingan rakyat ketika itu. Antara hasil kemampuan beliau yang patut diberi perhatian ialah usahanya membangunkan Rumah Miskin, sebuah rumah persinggahan untuk para tahanan yang berjaya melepaskan diri daripada menjadi buruh paksa projek pembinaan “Landasan Keretapi Maut” di Kwai, Thailand. Tunku juga berjaya menjaga Kulim sehingga menjadi daerah yang agak selamat pada zaman perang dan menjadi “satu-satunya daerah di Kedah yang tidak dijajah” semasa perang.⁷ Perang tetap mendatangkan masalah kepada Tunku meskipun sesudah Jepun kalah. Sesetengah pihak mengesyaki Tunku bersubhat dengan Jepun kerana hubungannya yang baik dengan kerajaan Siam, sedangkan hubungan sedemikian hanya untuk meringankan penderitaan rakyat Kedah. Beliau diletakkan di bawah siasatan dan kawalan rapi pihak British atas alasan berkelakuan “khianat” semasa perang. Penyiiasatan tersebut berpunca

7 TAR, 1977, 289–294; 1981, 158–9, Kua, 2002, 64; Yusof, 1991, Bab 4. Maklumat lanjut tentang kehidupan Tunku sebagai Penjawat Awam disebut dalam Bahagian 2, Bab 3.

daripada “surat-surat beracun” yang mengkritik dan mempersoalkan tindak-tanduk Tunku semasa zaman perang.⁸

Pengalaman zaman perang dan penyertaan beliau dalam menentang Malayan Union membuka matanya bahawa sukar untuknya melangkah lebih jauh tanpa kelayakan undang-undang. Beliau nekad mencuba buat kali terakhir untuk mendapatkan kelayakan *Barrister-at-law* sehingga akhirnya beliau berhasil pada tahun 1948. Di sebalik kejayaan peribadi Tunku, beliau mendapati dirinya masih diketepikan dalam kerajaan negeri Kedah di bawah seliaan Setiausaha Negeri Sheriff Osman dan Penasihat British J. D. Hall. Beliau akhirnya dipanggil oleh kerajaan Persekutuan dan dipindahkan ke Kuala Lumpur untuk bertugas sebagai Penolong Pendakwa Raya. Kerjaya undang-undang Tunku di Kuala Lumpur berterusan sehingga beliau dilantik sebagai Pendakwa Raya dan Yang Dipertua Mahkamah Sesyen sebelum beliau bersara pada tahun 1951 untuk menyertai politik sepenuh masa.

Kerjaya politik Tunku secara rasminya bermula apabila beliau dipilih sebagai Yang Dipertua Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (*United Malay National Organisation*, UMNO) pada Jun 1951 untuk menggantikan Dato’ Onn bin Jaafar yang meletak jawatan beberapa bulan sebelum itu bagi menubuhkan Parti Kemerdekaan Malaya (*Independence of Malaya Party*, IMP).⁹ Namun, Tunku bukanlah orang baru dalam politik. Beliau telah membantu mengasaskan Saberkas, sebuah gerakan pembebasan politik negeri Kedah. Tunku juga merupakan ahli dan pengerusi UMNO Kedah. Beliau salah seorang perwakilan UMNO Kedah yang dihantar ke Perhimpunan UMNO untuk menentang Malayan Union pada 1946. Dalam Perhimpunan UMNO itu, nama beliau dicadangkan untuk jawatan Setiausaha Agung UMNO tetapi Tunku menolak. Tatkala Tunku berpindah dari Kedah ke Kuala Lumpur pada tahun 1949 untuk menerima jawatan di Jabatan Peguam Negara, jelas bahawa beliau telah meninggalkan dunia politik secara umum dan menarik diri daripada UMNO secara khusus. Kalaulah Tunku meneruskan kerjaya dalam bidang undang-undang, beliau tentu mampu naik ke jawatan hakim. Namun, Tunku memilih untuk menjadi Yang Dipertua UMNO ketika

8 Shannon, 2000, 339–341; 399; Sebahagian perhubungan Tunku dengan pihak Jepun semasa zaman perang boleh dilihat dalam TAR, 1983, dalam *Siri Sejarah Lisan Pendudukan Jepun* Bil. 1, 1989.

9 Tunku menang dalam pemilihan menentang dua orang calon lagi iaitu Che (sekarang Dato’) C. M. Yusof dan Tuan Haji Ahmad Fuad Hassan. Tunku meraih 57 undi manakala lawannya mendapat 18 undi. Lihat TAR, 1977, 39, dan 1987, 26. Perincian tentang kehidupan politik Tunku, lihat Bahagian 2, Bab 4.

UMNO sedang dirundung malang. Yang Dipertua UMNO sebelumnya, Onn Jaafar, dengan ceria menyebut bahawa UMNO akan runtuh di bawah kepimpinan Tunku Abdul Rahman yang belum teruji.¹⁰ Pendapat Tunku sendiri ketika itu mengesahkan pandangan Dato' Onn terhadap UMNO ini, "Saya terpaksa mengambil alih sebuah parti yang sedang nazak." Hakikat ini perlu ditegaskan memandangkan kebangkitan luar biasa UMNO semasa kepimpinan Tunku telah mengaburi fakta betapa dekatnya UMNO kepada kematian setelah pemergian Dato' Onn yang merupakan Yang Dipertua UMNO dan pengasasnya. UMNO mampu muncul sebagai parti pemerintah yang tiada tolok bandingnya berkat sikap "jangan pernah mengalah" Tunku, bakti dan pengorbanannya kepada UMNO dan inti perjuangan UMNO di bawah kepimpinan beliau.

Tidak dapat dipertikaikan bahawa UMNO mampu bangkit kembali dan meraih kedudukan sebagai parti paling berpengaruh di Tanah Melayu (kemudian Malaysia) kerana jasa besar Yang Dipertuanya yang kedua yang telah mengambil alih teraju sebuah parti Melayu yang amat lemah, berpecah-belah, tiada hala tuju dan papa kedana, lalu disuntiknya dengan wawasan, tenaga, tekad dan pengorbanan peribadi serta wang ringgit beliau sendiri. Tidak keterlaluan jika disebut bahawa Tunku Abdul Rahman adalah satu-satunya Perdana Menteri yang menjadi lebih miskin setelah meninggalkan jawatan utama ini berbanding semasa beliau mula-mula mengambil keputusan untuk menggalas tanggungjawab politik dengan menjadi Yang Dipertua UMNO seterusnya Perdana Menteri Pertama Tanah Melayu. Hakikat ini sahaja sudah cukup untuk menyingkap sifat amanah dan pengorbanan diri tokoh tersebut untuk negara dan masyarakatnya. Banyak orang—terutama ahli politik—sering lupa atau sengaja melupakan hakikat bahawa Tunku teguh memperjuangkan nasib Melayu dan pada masa sama menanggapi tuntutan-tuntutan berasas daripada kaum lain di Malaysia dengan adil dan saksama.

Tunku ialah tokoh yang bertanggungjawab mengubah haluan UMNO dan menjadikan Merdeka sebagai matlamat utama parti itu. Kemerdekaan Tanah Melayu menjadi cita-cita agung perjuangan politik UMNO antara tahun 1951 hingga 1957. Tanah Melayu mempunyai kerajaan sendiri sejak tahun 1955 dan mencapai kemerdekaan pada Ogos 1957

10 Tunku sendiri menyebut bahawa beliau mewarisi UMNO yang sedang miskin dan tidak berdaya dan "... saya sendiri kena tolak jentera itu. Selain itu, kami terpaksa berdepan dengan satu lawan utama, iaitu orang yang mengasaskan [UMNO] sendiri ... [tetapi] sekarang ... dia sendiri isytihar bahawa UMNO sudah tidak mampu untuk menguruskan tugas-tugas yang dihadapi oleh negeri ini di tengah-tengah perubahan politik yang sedang berlaku ..." Lihat TAR, 1977, 310.

di bawah pimpinan Perikatan yang dipimpin oleh Tunku dan UMNO. Tunku menjadi Ketua Menteri dan seterusnya Perdana Menteri selama 15 tahun. Kepimpinan Tunku berakhir pada September 1970, diikuti persaraannya daripada politik pada tahun 1971.

Antara tahun 1971 dan 1974, Tunku menerima jemputan daripada pemerintah Arab Saudi ketika itu, Raja Faisal, untuk menjadi Setiausaha Agung pertama Sekretariat bagi Persidangan Menteri-menteri Luar Islam. Sekretariat ini menjadi pelopor kepada penubuhan Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) hari ini. Tawaran Raja Saudi ini ibarat bulan jatuh ke riba kerana masanya tepat ketika Tunku bukan sahaja memerlukan kedudukan terhormat selepas bersara daripada sepak terajang dan muslihat politik Malaysia, bahkan beliau memerlukan sumber kewangan untuk menyara diri, keluarga dan tanggungannya yang lain.¹¹ Banyak kejayaan yang diperoleh sekretariat sepanjang Tunku menunaikan amanah sebagai Setiausaha Agung di Jeddah.

Sejak 1974 sehinggalah pemergiannya pada tahun 1990, Tunku telah mengabadikan dirinya demi kesejahteraan rakyat Malaysia umumnya dan kebajikan masyarakat Muslim khususnya. Tunku sentiasa memainkan peranannya sebagai suara nurani dan negarawan di negara ini, kecuali dalam beberapa keadaan tertentu yang memaksanya bergiat kembali dalam politik. Kata-kata dan pendapatnya seringkali diberi perhatian oleh ahli politik mahupun khalayak umum. Jelas bahawa pada hari pemergiannya, pada 6 Disember 1990, Tunku telah berjaya meletakkan dirinya sebagai negarawan yang paling dihormati dan dikasihi.

KEDAH: TANAH TUMPAH DARAH

Tunku dilahirkan semasa era pertuanan Siam di negeri Kedah mula menghampiri saat-saat akhir. Pada masa sama, hubungan kekeluargaan dan rasmi antara kerabat diraja Kedah dengan Siam masih wujud. Tunku, abang sulungnya yang sebapa, Tunku Ibrahim, dan keluarga Pemangku Raja khususnya, mempunyai pertalian darah yang dekat dengan golongan bangsawan di Thailand kerana ibu-ibu mereka berasal dari sana. Bagaimanapun, ketika Tunku mencapai usia enam tahun, Kedah

¹¹ Seperti disebutkan sebelum ini, Tunku merupakan salah seorang daripada segelintir ahli politik di Malaysia yang hartanya berkurangan setelah menyertai politik. Ketika beliau meninggal dunia pada Disember 1990, Tunku hanya meninggalkan sebidang tanah bernilai RM800,000. Salah seorang rakan Tunku, Tan Tong Hye, menyebut, dia “belum pernah mengenal Perdana Menteri yang lebih miskin daripada Tunku.” Keadaan ini menjadi bukti betapa uniknya Tunku. Lihat Tan, 2006, 164.

Siri Pencerahan Selangor

libde

Siang hari 31 Ogos 1957, laungan keramat "Merdeka" tujuh kali menggegarkan lapangan Stadium Merdeka. Peristiwa bersejarah pemasyhuran kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu itu dihadiri sekitar 20 ribu orang, namun hanya satu susuk paling menjadi tumpuan: Bapa Kemerdekaan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

Banyak buku telah meriwayatkan kehidupan Tunku, tetapi boleh dikatakan tiada yang mengumpul kisah beliau secara lebih menyeluruh berbanding buku ini. Kelana panjang Tunku sebelum dan selepas Merdeka ditata dengan cermat oleh pengarangnya—bermula dari seorang putera raja yang gemar berbuat nakal dan bermain dengan rakan-rakannya di luar di istana sehingga hari-hari terakhir beliau sebagai negarawan terbilang yang dihormati dan disanjung di seluruh dunia.

Dengan sokongan



Dengan kerjasama



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA